

EDISI 3/2023  
SEPTEMBER-DISEMBER  
// ISSN 1511-1849

# BULETIN — PATRIOT

## KEMENTERIAN PERTAHANAN

MENARIK DI DALAM

**KEMENTERIAN  
PERTAHANAN RANGKUL**

**8 ANUGERAH  
INOVASI PERDANA  
SEKTOR AWAM  
2023**

Mukasurat : 06

MENARIK DI DALAM

**PROGRAM MEMBUDAYAKAN  
PENYELIDIKAN DAN  
PEMBANGUNAN PERTAHANAN  
DI SEKOLAH - STRIDE**

Mukasurat : 22

MENARIK DI DALAM

**SAMBUTAN HARI INTEGRITI  
PERINGKAT KEMENTERIAN  
PERTAHANAN 2023**

Mukasurat : 28

*Tahniah &  
Selamat Bertugas*

**YB DATO' SERI  
MOHAMED KHALED NORDIN,  
MENTERI PERTAHANAN**



## ISI KANDUNGAN

# PATRIOT

EDISI 3/2023

- 02 ◦ ISI KANDUNGAN
- 03 ◦ EDITORIAL
- 04 ◦ TAHNIAH DAN SELAMAT BERTUGAS: YB DATO' SERI MOHAMED KHALED NORDIN, MENTERI PERTAHANAN BAHRU
- 05 ◦ SEKALUNG PENGHARGAAN DAN TERIMA KASIH: YB DATO' SERI UTAMA HJ MOHAMAD BIN HJ HASAN, MANTAN MENTERI PERTAHANAN
- 06 ◦ KEMENTERIAN PERTAHANAN RANGKUL 8 ANUGERAH INOVASI PERDANA SEKTOR AWAM
- 08 ◦ SETAHUN MINDEF DI BAWAH KERAJAAN PERPADUAN
- 10 ◦ JALINAN KERJASAMA MALAYSIA, ASEAN DIPERKUKUH DALAM MENDEPANI ISU PERTAHANAN SERANTAU DAN ANTARABANGSA DI ADMM KE-17
- 11 ◦ MAJLIS PENGANUGERAHAN DIPLOMA LANJUTAN DAN DIPLOMA KEMAHIRAN MALAYSIA, PROGRAM *RECOGNITION OF PRIOR EXPERIENTIAL LEARNING* (RPEL)
- 12 ◦ YBHG. DATUK SERI ISHAM BIN ISHAK, KSU BAHARU MINDEF
- 12 ◦ LAWATAN KERJA KSU KE POLIKLINIK KESIHATAN ANGKATAN TENTERA
- 13 ◦ JEN TAN SRI DATO' SERI MOHAMMAD BIN AB RAHMAN PANGLIMA ANGKATAN TENTERA MALAYSIA YANG BAHRU
- 14 ◦ NANTIKAN KEHANGATAN DAN KEMERIAHAN DSA 2024
- 16 ◦ ASET BAHRU TENTERA DARAT: AGENDA PENGUKUHAN PERTAHANAN NEGARA
- 17 ◦ PUPUK SEMANGAT PATRIOTIK GENERASI MUDA DALAM PROGRAM CIMIC SEMPENA EKSESAIS COPE TAUFAN 2023
- 18 ◦ SAMUDERA PERKASA BARAT 6/23 PERKUKUH KEBOLEHOPERASIAN TLDM DAN APMM
- 19 ◦ KUNJUNGAN HORMAT DAN LAWATAN KERJA DELEGASI *DEPARTMENT OF THE SAUDI ARMED* KEPADA KAGAT
- 20 ◦ KARNIVAL USAHAWAN VETERAN ATM PERINGKAT NEGERI SEMBILAN
- 21 ◦ PENYERAHAN KUNCI RUMAH BINA BAHRU PERINGKAT NEGERI MELAKA
- 22 ◦ PROGRAM MEMBUDAYAKAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN PERTAHANAN DI SEKOLAH ANJURAN STRIDE KEMENTERIAN PERTAHANAN
- 24 ◦ *LOVE YOUR SELF* – AKU BERHARGA DAN AKU BERHAK BAHAGIA
- 26 ◦ PROGRAM MERDEKA *WHITE WATER RAFTING ADVENTURE*, GOPENG, PERAK
- 26 ◦ PROGRAM AKTIF @ *INDOOR GAMES* DAN SUKAN TRADISIONAL SEMPENA SAMBUTAN HARI SUKAN NEGARA PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN 2023
- 27 ◦ PROGRAM PEDULI VETERAN (PPV) PERINGKAT DAERAH KEMAMAN, NEGERI TERENGGANU
- 27 ◦ PERLAWANAN PERSAHABATAN *WOODBALL* PUSPANITA ANTARA KEMENTERIAN
- 28 ◦ SAMBUTAN HARI INTEGRITI PERINGKAT KEMENTERIAN PERTAHANAN 2023
- 30 ◦ LENSA: OP MURNI 2023
- 31 ◦ IKLAN KOPERASI TENTERA
- 32 ◦ DSA 2024



## Dari Meja Editor Meningkatkan Azam Merealisasikan Wawasan

Bila tahun beralih, bererti kita telah melangkah ke usia yang lebih dewasa yang lebih mematangkan pemikiran dan penilaian kita terhadap semua perkara. Tahun yang lalu telah memberi seribu erti dalam perjalanan hidup setiap seorang dari kita, ada yang suka dan ada yang duka.

Adalah menjadi hasrat dan impian setiap pemimpin untuk memastikan setiap perancangan program Kementerian Pertahanan dapat dilaksanakan dan diurus dengan cekap demi memastikan imej dan keselamatan negara terjamin.

Tahun yang lalu menjadi kayu ukur bagi kemajuan yang telah dicapai serta kelemahan yang perlu diatasi dengan strategi yang lebih baik. Oleh yang demikian, adalah diharapkan agar setiap seorang Warga Kerja Kementerian Pertahanan dapat menyemat azam untuk meningkatkan prestasi diri demi mencapai wawasan yang telah ditetapkan oleh pucuk pimpinan kementerian.

# SIDANG EDITORIAL **PATRIOT** EDISI 3/2023



### Penaung

YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak  
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan

### Penasihat

Adreena binti Abdul Majid  
Ketua Komunikasi Strategik

### Ketua Editor

Saiful Hisham bin Mansor  
Timbalan Ketua Komunikasi Strategik

### Penolong Ketua Editor

Ketua Seksyen Perhubungan Awam  
Unit Komunikasi Strategik

### Editor

Mej Hafiza bin Ismail  
Norazlin binti Jalik  
Lt Kdr Mohamad Ridzwan bin Mohamad Yusoff TLDM  
Mej Ezrie Hanif bin Yusoff TUDM  
Muhammad Syurahbil bin Hashim  
Mazaitul Azwa binti Abdullah

### Tim Editorial

Nur Ina Fazira binti Mazelan  
Nurul Sakina binti Ariffin

### Foto

Unit Komunikasi Strategik;  
Perhubungan Raya Tentera Darat;  
Bahagian Komunikasi Strategik Tentera Laut Diraja Malaysia;  
Sekretariat D Tentera Udara Diraja Malaysia;  
Portal Rasmi Kementerian Pertahanan; dan  
Angkatan Tentera Malaysia.

---

Tel : 03 - 4012 3305  
Web : [www.mod.gov.my](http://www.mod.gov.my)  
e-mel : [penerbitan.uks@gmail.com](mailto:penerbitan.uks@gmail.com)  
facebook : Kementerian Pertahanan Malaysia  
Instagram : mindefmalaysia  
Twitter : @MINDEFMalaysia  
Youtube : KementerianPertahananMalaysia  
Telegram : MINDEF UPDATE  
Tiktok : mindefmalaysia



## *Tahniah dan Selamat Bertugas:* **YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan**



Tanggal 12 Disember 2023, Kerajaan Perpaduan pimpinan YAB Dato Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan rombakan kabinet baharu di bawah pimpinan beliau. Rombakan kabinet ini juga menyaksikan Kementerian Pertahanan menerima pucuk pimpinan baharu apabila YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin diumumkan sebagai Menteri Pertahanan. Manakala YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan diberi kepercayaan untuk menerajui Kementerian Luar Negeri. Majlis mengangkat sumpah jawatan di hadapan Yang

di-Pertuan Agong Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah telah diadakan di Istana Negara pada sebelah petang, 12 Disember 2023.

YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin, Menteri Pertahanan secara rasminya telah memulakan tugas sebagai Menteri Pertahanan pada 15 Disember 2023. Ketibaan beliau disambut oleh YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Angkatan Tentera serta Pegawai Kanan Kementerian dan Panglima-panglima Perkhidmatan.

Beliau seterusnya menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di perkaranan Wisma Pertahanan. Sejurus selesai, YB Menteri Pertahanan seterusnya mengetik kad e-rakam disusuli sesi menandatangani dokumen mula tugas sebagai simbolik dalam menerajui Kementerian Pertahanan. Seluruh Warga Kerja Kementerian Pertahanan menzahirkan ucapan tahniah dan selamat bertugas kepada YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin.



## *Sekalung Penghargaan dan Terima Kasih:* **YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Mantan Menteri Pertahanan**



Seluruh Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala sumbangan dan jasa bakti yang telah dicurahkan dalam menerajui Kementerian Pertahanan kepada YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan yang telah bertukar portfolio ke Kementerian Luar Negeri pada 12 Disember 2023. Sesi Serah Tugas sebagai Menteri Pertahanan kepada Menteri Baharu iaitu YB Dato' Seri Mohamed Khaled Nordin telah dilaksanakan pada 13 Disember 2023.

Mantan Menteri Pertahanan telah diberi penghormatan menerima tabik hormat dan memeriksa Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja buat kali terakhir sebelum beliau beredar meninggalkan Kementerian Pertahanan. Beliau juga turut berkesempatan merakamkan ucapan terima kasih kepada seluruh Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan ATM yang berkumpul di perkarangan Wisma Pertahanan.

Turut mengiringi acara berkenaan adalah YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan, YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha, Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman, Panglima Angkatan Tentera dan Panglima-panglima Perkhidmatan serta Pegawai Kanan MinDef dan ATM.



## Kementerian Pertahanan Rangkul 8 Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam

Majlis Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA) Tahun 2023 anjuran Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah diadakan pada 7 November 2023 bertempat di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC). Anugerah inovasi diwujudkan bertujuan mengiktiraf dan meraikan agensi yang telah memberi sumbangan yang signifikan dan nilai tambah kepada penyampaian perkhidmatan awam melalui penghasilan inovasi. Anugerah inovasi mula diperkenalkan pada tahun 1990 dengan nama Anugerah Kualiti Perdana Menteri kemudian pada 2009 hingga 2017 dijenamakan semula sebagai Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM). Majlis ini telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia.

Pelaksanaan program AIPSA berperanan untuk menyokong serta merealisasikan visi Malaysia MADANI iaitu Daya Cipta (Inovasi) dan tema AIPSA untuk tahun ini ialah "Malaysia MADANI Memperkasa Inovasi". Pembudayaan inovasi di sektor awam mampu menambah baik penyampaian perkhidmatan untuk manfaat rakyat dan seterusnya negara. Seiring dengan revolusi digital dan teknologi yang berkembang pesat masa kini, pembudayaan inovasi dilihat mampu mengubah masyarakat Malaysia daripada masyarakat pengguna semata-mata kepada masyarakat yang aktif menyumbang dalam menghasilkan produk dan perkhidmatan baharu.

Tiga (3) kategori Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam iaitu Anugerah Inovasi Perdana Sektor Awam (AIPSA), Anugerah Inovasi Sektor Awam (AlnSA) dan Anugerah DNA Inovasi Sektor Awam (ADISA). Kategori AIPSA merupakan anugerah tertinggi dalam program AIPSA dan penerima utama kategori AIPSA dipilih dalam kalangan empat (4) penerima terbaik kategori AlnSA. Bagi kategori AlnSA dan ADISA, terdapat empat (4) trek di bawahnya iaitu Sosial, Ekonomi, Infrastruktur serta Keselamatan dan Pentadbiran. Penerima AIPSA akan membawa pulang ganjaran berjumlah RM1 juta berserta trofi dan sijil, manakala penerima terbaik setiap trek bagi AlnSA dan ADISA akan menerima ganjaran berjumlah RM200,000 dan RM50,000 berserta trofi dan sijil.

Kementerian Pertahanan melalui Unit Inovasi Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik, Pasukan Inovasi Tentera Darat Malaysia (TDM) dan Pasukan Inovasi Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) telah berjaya merangkul lapan (8) anugerah sekaligus menjadi jumlah pemenang tertinggi di majlis tersebut. Selain trofi, jumlah keseluruhan yang dimenangi oleh Kementerian Pertahanan adalah sebanyak RM77,000. Anugerah yang berjaya dimenangi oleh TUDM adalah Anugerah DNA Inovasi Sektor Awam (ADISA) melalui projek "REVOLUTION ADVANCE INNOVATION NETWORK" (RAIN). Selain daripada itu, TUDM juga turut merangkul empat (4) anugerah dalam Anugerah Kumpulan Inovatif dan Kreatif Sektor Awam (KIKSA) yang turut disampaikan dalam majlis tersebut iaitu:

1. VIRTUAL AVIONICS SIMULATOR TRAINER 2.0 (VAST 2.0) - Naib Johan Sosial Penambahbaikan;
2. SILENT SCREAMER - Naib Johan Penyampaian Perkhidmatan Penciptaan;
3. ALERT EXTENDER (ALEXANDER) - Naib Johan Sosial Penciptaan; dan
4. KNIGHT BI-ELECTRONIC MANAGEMENT SYSTEMS (KBEMS) - Tempat ke-3.

Manakala TDM telah memenangi beberapa anugerah antaranya Johan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Kategori Penambahbaikan), projek Smart UAV TD dan Johan Kategori Inovasi Sosial (Kategori Penambahbaikan) projek Smart Fresh Water Generator yang dicipta oleh Bahagian Inspektorat Tentera Darat (BITD) serta turut memenangi Johan Kategori Inovasi Penyampaian Perkhidmatan (Kategori Penciptaan) bagi projek Spider Heavy Wheel Carrier yang dicipta oleh Institut Kejuruteraan Tentera Darat (IJKD).

Tahniah diucapkan kepada para pemenang. Semoga kejayaan ini akan menyemarakkan lagi budaya inovasi dan menyemai daya pemikiran yang kreatif dalam kalangan Warga Kerja Kementerian Pertahanan untuk terus memberi sumbangan dan nilai tambah dalam penyampaian perkhidmatan awam melalui inovasi yang akan memberikan manfaat kepada rakyat dan negara khasnya. Majlis yang bersejarah ini, turut dihadiri YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan, YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Jen Tan Sri Dato' Sri Mohd Asghar Khan bin Goriman Khan TUDM, Panglima Tentera Udara, Lt Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Panglima Tentera Darat, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan dan Angkatan Tentera Malaysia.





# Setahun MinDef Di Bawah Kerajaan Perpaduan

Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI telah berlangsung dengan jayanya selama tiga (3) hari bermula 8 hingga 10 Disember 2023 bertempat di Perkarangan Stadium Nasional Bukit Jalil. Penganjuran program ini adalah untuk menyebar luas dan mempromosikan dasar-dasar serta inisiatif baharu kerajaan yang telah diperkenalkan kepada rakyat. Program ini sebagai satu platform untuk meningkatkan kesedaran serta kefahaman rakyat terhadap hala tuju dan matlamat kerajaan. Seterusnya melalui program ini dapat membina kepercayaan serta keyakinan antara rakyat dengan kerajaan melalui pelaporan pencapaian secara berkala.

Program yang berlangsung ini melibatkan kerjasama strategik pelbagai kementerian, agensi, syarikat berkaitan kerajaan (NGO), pihak swasta serta pemegang taruh. Fokus penganjuran menjurus kepada tiga (3) komponen iaitu Showcase Pencapaian Setahun Kerajaan MADANI, perkhidmatan *touchpoint* rakyat dan Inisiatif Kesejahteraan Rakyat. Seramai lebih 230,000 pengunjung yang telah hadir sepanjang tiga (3) hari program ini berlangsung. YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia telah menyempurnakan Majlis Perasmian Penutupan pada 10 Disember 2023.

Kementerian Pertahanan (MinDef) turut bersama mengambil bahagian dalam program tersebut. Penglibatan MinDef adalah sebagai platform untuk menyebar luas berkenaan inisiatif-inisiatif yang telah dilaksanakan oleh pihak MinDef kepada rakyat dan secara tidak langsung dapat meningkatkan kefahaman serta kesedaran rakyat terhadap hala tuju MinDef di bawah pucuk pimpinan YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan.

Pelbagai tarikan utama disediakan oleh MinDef untuk para pengunjung Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI. Pengunjung diberi peluang untuk melihat serta memegang sendiri aset-aset yang dipamerkan. Antara aset yang dibawa khas untuk pengunjung di Bukit Jalil adalah kenderaan pembawa senjata, kenderaan tempur berperisai, pelbagai jenis senjata dan motosikal berkuasa tinggi. Selain itu, segala informasi mengenai pengambilan perajurit baharu serta maklumat perkhidmatan yang ditawarkan dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM) turut disediakan. Secara tidak langsung generasi muda yang hadir dapat merebut peluang kerjaya dalam unit beruniform.

Selain pameran, turut diadakan juga tayangan MALBATT: Misi Bakara secara percuma kepada para pengunjung. Filem ini mengandungi mesej tentang pengorbanan serta tugas anggota tentera yang berkhidmat dalam mempertahankan kedaulatan negara dan juga misi pengamanan di luar negara. Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) turut menyediakan Kaunter Veteran ATM bagi perkhidmatan pendaftaran sebagai ahli veteran. Persembahan Tempur Tanpa Senjata (TTS) oleh Tentera Darat, Airforce Drumline oleh Tentera Udara Diraja Malaysia dan Kawad Senyap oleh Tentera Laut Diraja Malaysia turut diadakan sepanjang program tersebut berlangsung.

Tahniah diucapkan kepada semua Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan ATM yang turut sama menjayakan Program Setahun Bersama Kerajaan MADANI.





## Jalinan Kerjasama Malaysia, ASEAN Diperkuuh dalam Mendepani Isu Pertahanan Serantau dan Antarabangsa di ADMM Ke-17



YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Indonesia bagi mengetuai delegasi Malaysia ke Mesyuarat Menteri-menteri Pertahanan ASEAN (ASEAN Defence Minister's Meeting, ADMM) ke-17 dan ADMM-Plus ke-10 di Jakarta, Indonesia pada 15 hingga 16 November 2023.

Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Tuan Yang Terutama Prabowo Subianto, Menteri Pertahanan Indonesia selaku Pengerusi ADMM dan ADMM-Plus bagi tahun 2023. Kehadiran YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan ke ADMM ke-17 dan ADMM-Plus ke-10 amat penting bagi memperlihatkan kepimpinan Malaysia dan kesatuan ASEAN dalam membincangkan isu-isu pertahanan serta keselamatan di peringkat serantau mahupun antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama.

Selain itu, mesyuarat ini merupakan platform utama bagi Negara Anggota ASEAN membina keyakinan (confidence building measure) dalam mendepani situasi semasa serta meningkatkan kerjasama pelbagai hala dalam mendepani isu-isu pertahanan dan keselamatan di Rantau Asia Tenggara. Kebolehoperasian dan kebersamaan antara angkatan tentera negara masing-masing dalam bidang-bidang yang dikenal pasti turut dapat dipertingkatkan.

Penyertaan Malaysia dalam mesyuarat ADMM dan ADMM-Plus menandakan komitmen berterusan kepada ASEAN yang mana Malaysia merupakan salah satu negara pengasas sejak organisasi ini ditubuhkan pada tahun 1967. Tahniah diucapkan kepada Indonesia selaku Pengerusi ASEAN tahun 2023 atas kejayaan pengurusan Mesyuarat ADMM ke-17 dan ADMM-Plus ke-10.



## Majlis Penganugerahan Diploma Lanjutan dan Diploma Kemahiran Malaysia, Program *Recognition Of Prior Experiential Learning (RPEL)*



YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan telah menyempurnakan Majlis Penganugerahan Diploma Lanjutan dan Diploma Kemahiran Malaysia, Program *Recognition Of Prior Experiential Learning (RPEL)* pada 13 Disember 2023 bertempat di Kompleks PERHEBAT.

Pada majlis tersebut, beliau turut menyaksikan pertukaran Memorandum Persefahaman antara PERHEBAT dengan pihak Agrobank, Universiti Putra Malaysia (UPM), Seicom System Sdn. Bhd. dan Persatuan Veteran ATM (PVATM).

Kolaborasi antara PERHEBAT dan Agrobank ini telah menyediakan Skim Pembiayaan Perniagaan yang memperuntukkan RM10 juta dana keseluruhan untuk anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) yang akan bersara dan Veteran ATM yang terlibat dalam industri agro makanan.

Pada masa yang sama, kerjasama dengan UPM akan diteruskan melalui program USAHAWANTANI PUTRA-PERHEBAT iaitu latihan dan bimbingan berstruktur dalam pertanian untuk anggota dan Veteran ATM dengan peluang pekerjaan sebagai Agropreneur.

Semua usaha kolaborasi ini bertepatan dengan inisiatif Program Pemerkasaan Usahawan Veteran ATM (PUVET ATM) yang dilaksana oleh Kementerian Pertahanan melalui PERHEBAT dengan memfokuskan kepada pemerkasaan veteran dalam kerjaya kedua dan keusahawanan.

# **YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, KSU Baharu MinDef**



Seluruh Warga Kementerian Pertahanan menzahirkan ucapan tahniah dan selamat bertugas kepada YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan yang baharu.

Beliau telah memulakan tugas rasmi pada 29 September 2023. Ketibaan YBhg. Datuk KSU telah disambut oleh Panglima-panglima Perkhidmatan, Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pertahanan serta Pegawai Kanan ATM dan seterusnya menerima tabik hormat Kawalan Kehormatan Utama (KKU) daripada Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja di perkarangan Wisma Pertahanan.



## **Lawatan Kerja KSU ke Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera**



YBhg. Datuk Seri Isham bin Ishak, Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertahanan telah mengadakan lawatan kerja ke Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera di Kem Batu 10 Kuantan, Pahang bagi meninjau kemajuan projek yang dilaksanakan Kementerian Pertahanan. Poliklinik ini dijangka siap pada November 2024 dan mampu menampung rawatan seramai 500 pesakit sehari. Selain itu, poliklinik ini disasarkan sebagai *one stop centre* dalam menyediakan perkhidmatan perubatan dan pergigian kepada warga tentera, awam serta keluarga mereka.

Pembinaan poliklinik ini merupakan salah satu (1) daripada lima (5) poliklinik yang dirancang pembinaannya. Hanya sebuah poliklinik yang telah siap dibina dan digunakan iaitu poliklinik di Kem Penrissen, Sarawak.

Projek pembinaan Poliklinik Kesihatan Angkatan Tentera ini merupakan salah satu inisiatif yang bertujuan untuk memastikan kebajikan anggota dan Veteran Angkatan Tentera Malaysia (ATM) khususnya dalam aspek penjagaan kesihatan sentiasa terpelihara. Selain itu, pembinaan poliklinik ini mampu mengurangkan kebergantungan dan beban di Rumah Sakit Angkatan Tentera (RSAT), Pusat Perubatan ATM dan Hospital Angkatan Tentera.

*Majlis Serah Terima Tugas*  
**PANGLIMA ANGKATAN TENTERA**

JENERAL TAN SRI DATO' SRI HAJI AFFENDI BIN BUANG TUDM

JENERAL TAN SRI DATO' SERI MOHAMMAD BIN AB RAHMAN



## **Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman Panglima Angkatan Tentera Malaysia Yang Baharu**

Tanggal 6 September 2023 menyaksikan Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman telah dilantik sebagai Panglima Angkatan Tentera (PAT) ke-22. Beliau menggantikan Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM yang telah bersara dari perkhidmatan setelah menabur bakti selama 43 tahun dalam Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Majlis Serah Terima Tugas PAT telah berlangsung di Auditorium Wisma Pertahanan dan telah disempurnakan serta disaksikan oleh YB Dato' Seri Utama Hj Mohamad bin Hj Hasan, Menteri Pertahanan.

Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman dilahirkan di Machang, Kelantan pada 15 Mac 1964. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Menengah Sains, Kelantan sebelum melanjutkan pelajaran di Cawangan Putera, Maktab Tentera Diraja pada tahun 1980. Setelah menamatkan latihan daripada Maktab Tentera Diraja pada bulan Disember 1981, beliau meneruskan pengajian di peringkat Ijazah Sains Komputer di University of North Carolina at Charlotte, Amerika Syarikat. Seterusnya pada 1 Julai 1987, beliau telah ditauliahkan sebagai seorang Pegawai Infantri di dalam Rejimen Askar Melayu Diraja.

Selain itu, beliau juga berpengalaman memegang pelbagai jawatan penting selaku pemerintah bermula dengan pemerintahan di peringkat Batalion hingga ke pemerintahan peringkat Medan di dalam Tentera Darat. Antaranya sebagai Pegawai Memerintah Batalion Ke-23 Rejimen Askar Melayu Diraja, Panglima Briged Kedua Infantri, Panglima Divisyen Ketiga Infantri dan Panglima Latihan Tentera Darat sebelum memegang jawatan sebagai Panglima Medan Barat Tentera Darat pada bulan Jun 2020. Pada 19 Disember 2020, Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad telah dilantik sebagai Timbalan Panglima Tentera Darat Ke-25 dan seterusnya dinaikkan pangkat sebagai Panglima Tentera Darat pada 22 Mac 2023.

Menurut YB Menteri Pertahanan, pelantikan Jen Tan Sri Dato' Seri Mohammad bin Ab Rahman adalah atas kecemerlangan dan ketekunan kepimpinan yang dipamerkan sepanjang 36 tahun bersama pasukan seterusnya berupaya meneraju dan memastikan ATM sentiasa berada dalam kesiapsiagaan yang tinggi. YB Menteri Pertahanan turut menzahirkan ucapan terima kasih atas jasa serta bakti yang telah ditaburkan oleh Jen Tan Sri Dato' Sri Hj Affendi bin Buang TUDM.



Defence Services Asia 2024 (DSA 2024) bakal berlangsung pada 6 hingga 9 Mei 2024 di Pusat Pameran dan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITEC), Lumpur. Pameran Persidangan dijangkakan lebih meriah dengan penyertaan lebih ramai pengamal keselamatan dan pertahanan dari luar dan dalam negara.

# Nantikan Kehangatan dan Kemeriah Pameran dan Persidangan Terunggul di Rantau Ini, DSA 2024



Pengunjung mencuba peralatan ketenteraan yang dipamerkan. DSA dan NATSEC 2022 mendapat sambutan baik dan maklumbalas positif oleh pengunjung dan peserta pameran.





Pengunjung mengambil peluang mendengar penerangan oleh wakil peserta.



Syarikat Transvaro tidak melepaskan peluang menjadi salah satu peserta pameran pada DSA 2022.



## CONTRACT HANDOVER

Ceremony

6 NOVEMBER 2023



Gelagat seorang anggota TLDM mencuba aset ketenteraan pada Pameran DSA.



Perasmian Pavilion Malaysia sempena pameran Defense & Security 2023 di Bangkok, Thailand oleh KSU

# Aset Baharu Tentera Darat: Agenda Pengukuhan Pertahanan Negara



Pada 31 Oktober 2023 yang lalu, Tentera Darat (TD) telah menerima sebanyak 661 unit aset serta perolehan baharu bernilai RM96.3 juta pada Majlis Penyerahan Aset Tentera Darat Malaysia (TDM) Siri 3/23 di Dataran PTD, Kem Perdana Sungai Besi sejurus selepas Perbarisan Perintah Ulung PTD Ke-30 selesai.

Majlis telah disempurnakan oleh Jen Dato' Muhammad Hafizuddeain bin Jantan, Panglima Tentera Darat (PTD) dan turut dihadiri oleh Lt Jen Dato' Tengku Muhammad Fauzi bin Tengku Ibrahim, Timbalan Panglima Tentera Darat (TPTD), Lt Jen Dato' Pahlawan Hj Muhammad Huzaimi bin Sabri, Panglima Medan Barat Tentera Darat (PMB TD), Lt Jen Dato' Mohd Sofi bin Md Lepi, Panglima Medan Timur Tentera Darat (PMT TD) dan Lt Jen Dato' Zaidan bin Atan, Ketua Staf Tentera Darat (KSTD), Pegawai-pegawai Kanan Tentera Darat serta wakil syarikat-syarikat yang terlibat.

Aset perolehan baharu yang diterima sejak awal tahun ini merangkumi pelbagai jenis kenderaan, bot, senjata dan kelengkapan elektronik. Antaranya termasuklah Trak Tiga (3) Tan GS Kargo, *Unmanned Aerial System* (UAS), Ambulans Medan, Kenderaan Pembawa Senjata AGL (KPS AGL), *Special Operation Vehicle* (SOV), *Assault Boat*, *Trailer Boat* dan *Rubber Inflatable Boat*. Turut diterima *Logistic Support Bridge* (LSB), Mortar 60 millimeter (mm), *Night Vision Goggle* (NVG) dan *Laser Range Finder* (LRF).

Menurut PTD, peningkatan kuasa tembakan dapat ditingkatkan melalui perolehan Mortar 60mm dalam memberi bantuan tembakan kepada platun infantri dan disokong oleh KPS AGL. Peralatan elektronik NVG dan LRF pula dapat digunakan sebagai alat membantu penglihatan di waktu malam, mendapatkan maklumat jarak dan mengenali sasaran dengan lebih tepat dan berkesan. Manakala UAS amat membantu jika digunakan dalam operasi perisikan (surveillance) oleh Kor Risik Diraja.

Perolehan secara berperingkat ini bakal meningkatkan mobiliti elemen utama kesiagaan TD sentiasa berada di tahap tinggi dalam apa jua keadaan. Secara tidak langsung membolehkan TD menumpukan daya usaha secara efisien dan efektif bagi mencapai matlamat strategik yang telah ditetapkan oleh Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

Sesungguhnya perolehan aset baharu ini mampu memacu TD ke arah kesiapsiagaan yang lebih berkesan dalam mempertahankan kedaulatan dan keselamatan negara di samping memberikan bantuan terutamanya semasa negara ditimpa bencana alam.

# Pupuk Semangat Patriotik Generasi Muda Dalam Program *Civil Military Cooperation (CIMIC)* Sempena Eksesais COPE TAUFAN 2023 (Eks CT23)

**Artikel Oleh:** Kpl U Mohamad Ridzwan bin Moideen  
PTTR Media Operasi  
Tadbir – A1  
Markas Pemerintahan Operasi Udara

Program *Civil Military Cooperation (CIMIC)* merupakan salah satu langkah dan usaha daripada pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam memberi sumbangan terhadap usaha pembinaan negara bangsa yang mampu menjamin keamanan di samping persediaan mendepani pelbagai bentuk ancaman keselamatan masa kini. Ia adalah sejarah dengan konsep HANRUH (Pertahanan Menyeluruh) dan usaha berterusan yang dapat mewujudkan persefahaman dan kerjasama erat di antara tentera serta awam.

Melalui program yang dilaksanakan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) bersama masyarakat menerusi Eksesais COPE TAUFAN 2023 (CT23) ia dilihat mampu mendukung Pelan Strategik MinDef (2021–2025) di bawah Teras 4 dengan matlamat untuk memperkuatkan sokongan masyarakat serta memenangi hati rakyat demi menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang harmoni, selamat, berdaulat dan makmur. TUDM telah mengundang tiga (3) buah sekolah di sekitar Pulau Pinang untuk ke Pangkalan Udara Butterworth (PU Butterworth) pada 23 September 2023 yang telah dihadiri seramai 120 orang pelajar Sekolah Kebangsaan Tan Sri P Ramlee, Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Sin Chung dan Sekolah Kebangsaan Pokok Sena.

Pelbagai pengisian telah dilaksanakan seperti tayangan video daripada beberapa skuadron penerangan yang terdapat dalam TUDM dan *United States Pacific Air Forces (US PACAF)*. Wakil setiap skuadron juga tampil memberikan penerangan kepada para guru dan pelajar yang terlibat berkenaan peranan dan tugas yang dilaksanakan oleh skuadron penerbangan kedua-dua Angkatan Tentera Udara. Pendedahan tersebut sedikit sebanyak dapat memberi gambaran kepada peserta program CIMIC tentang kepentingan angkatan udara sebagai payung perlindungan negara dalam menangani segala ancaman udara.

Selain daripada itu, pelajar dan guru juga berpeluang melihat pesawat pejuang TUDM dan US PACAF menerusi pameran statik aset udara. Pesawat-pesawat yang terlibat termasuklah pesawat pejuang F-16CM *Fighting Falcon* daripada US PACAF, pesawat pejuang Hawk 108, F/A-18D *Hornet* dan Helicopter EC725AP daripada TUDM. Program CIMIC kali ini turut menampilkan keistimewaan tersendiri apabila para hadirin diberi kesempatan untuk bertemu dan berkenalan dengan anggota daripada US PACAF yang terlibat dalam Eks CT23.

Sebagai tanda penghargaan, Co-Exercise Director Eks CT23 daripada kedua-dua angkatan udara iaitu Kol Razali bin Ahmad Jumali TUDM dan Col Kathryn Gaetke mewakili US PACAF telah menyampaikan cenderahati kepada semua pelajar dan guru yang terlibat. Inisiatif dan komitmen melalui program CIMIC ini perlu diteruskan dengan tujuan memberi kesedaran dan pendedahan awal kepada generasi muda khususnya di dalam mananam jati diri serta semangat cintakan tanah air melalui pengenalan kepada tugas-tugas yang dipertanggungjawabkan kepada ATM di dalam menjaga kedaulatan negara.



# **SAMUDERA PERKASA BARAT 6/23 Perkuuh Kebolehoperasian TLDM dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) dalam Memastikan Keselamatan Maritim Negara**



**Sumber:** FB Tentera Laut Diraja Malaysia

Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) terus memperkuuhkan kebolehoperasian bersama melalui Eksesais SAMUDERA PERKASA BARAT 6/23 yang dilaksanakan di Kuantan dan Perairan Laut China Selatan bermula 17 hingga 23 Oktober 2023.

Memasuki Edisi Keenam, dengan bertemakan "Penguatkuasaan Undang-undang Maritim, CARILAMAT dan Pengenalan Evolusi di Laut", eksesais kali ini telah menghimpunkan seramai 400 orang peserta terdiri daripada pegawai dan anggota TLDM dan APMM. TLDM telah diwakili oleh KD TERENGGANU, KD GEMPITA, sebuah pesawat Fennec dan Fast Combat Boat (FCB), manakala APMM diwakili oleh KM PEKAN, KM AMANAH, sebuah pesawat AS365 N3 Dauphin dan Bot PERKASA. Tambahan itu, terdapat juga penglibatan Pasukan Khas Laut (PASKAL) dan Pasukan Tindakan Khas (PTK) APMM serta Tim Selam daripada kedua-dua perkhidmatan.

Bagi menyuburkan persefahaman di kalangan peserta eksesais dimulakan dengan fasa pelabuhan di Akademi Maritim Sultan Ahmad Shah (AMSAS) bagi membolehkan rancangan pelaksanaan latihan fasa laut dibincangkan dengan teliti oleh Pegawai Operasi secara 'table-top'. Di samping itu, beberapa latihan seperti Mengawal Kebanjiran dan Melawan Api (MKMA), Vertical Replenishment (VERTREP), Medical Evacuation (MEDEVAC), Diving Exercise (DIVEX), Boarding Exercise (BOARDEX) serta kelas Deck Landing Training (DLT) dan Ilmu Kelautan juga dilaksanakan di pelabuhan bagi menentukan segala prosedur difahami oleh semua peserta yang terlibat. Turut dititikberatkan semasa fasa ini adalah latihan bersepadu antara PASKAL dan Tim PTK.

Semasa fasa laut, kebolehoperasian para peserta dan aset-aset yang terlibat telah diuji dengan pelbagai siri latihan Navigasi, Maritime Security Operations (MSO) dan aktiviti mencari dan menyelamat (CARILAMAT) meliputi latihan Panduarah Taktikal, Deck Landing Training dan Visit, Board, Search & Seizure (VBSS). Turut dilaksanakan, latihan menangani kecemasan di laut seperti kebakaran dan kebanjiran.

Semasa fasa penutup pula, segala penemuan telah dibentangkan semasa Post Exercise Debrief (PXD) untuk penambahbaikan Standard Operating Procedure (SOP) kedua-dua perkhidmatan. Eksesais diakhiri dengan Majlis Penutup yang disempurnakan oleh Laksamana Pertama (M) Zulinda binti Hj Ramli, Timbalan Pengarah Bahagian Penguatkuasaan dan Penyelaras Maritim di Auditorium AMSAS. Turut hadir, Laksamana Pertama Shaiful Nizam bin Abdul Manan, Timbalan Panglima Wilayah Laut 1.

Secara keseluruhan, Eksesais SAMUDERA PERKASA BARAT 6/23 telah mencapai objektif yang digariskan, sekaligus meningkatkan keupayaan dan kebolehoperasian TLDM-APMM dalam menjalankan operasi bersama. Peluang kolaborasi sebegini akan sentiasa dimanfaatkan oleh TLDM sepenuhnya dalam usaha memacu kompetensi warga dan ketersediaan aset bagi memastikan keselamatan maritim negara terpelihara.



## **Kunjungan Hormat dan Lawatan Kerja Delegasi *The Religious Department of The Saudi Armed Forces* kepada Jabatan Arah Kor Agama Angkatan Tentera (KAGAT)**

**Artikel Oleh:** Sel Media Jabatan Arah KAGAT

Pihak Jabatan Arah KAGAT telah berbesar hati menerima kunjungan hormat rakan seangkatan dalam melaksanakan usaha dakwah dan tarbiyah di dalam organisasi ketenteraan apabila menerima kunjungan hormat sempena Lawatan Kerja Delegasi *The Religious Department of The Saudi Armed Forces* seramai lapan (8) orang pada 2 Oktober 2023. Ketibaan delegasi yang diketuai oleh Mej Jen Musfer Hassan Al-Qahtani, Timbalan Ketua Pengarah, Bahagian Agama Angkatan Tentera Arab Saudi (Deputy Director General of the Religious Department at the Saudi Armed Forces) telah disambut oleh Brig Jen Hj Mohd Hamzah bin Adam, Ketua Staf Am Jabatan Arah KAGAT dan juga Pegawai-pegawai Kanan Jabatan Arah KAGAT yang lain.

Pihak delegasi telah dibawa ke Pejabat Ketua Pengarah KAGAT, Mej Jen Dato' Hj Mohd Rashidi bin Bujai untuk sesi kunjungan hormat dan menandatangani buku lawatan. Setelah itu, pihak delegasi telah diberikan sesi taklimat dan juga perbincangan dua hala telah diadakan di Bilik Mesyuarat Jabatan Arah KAGAT. Suasana sesi taklimat dan perbincangan dua hala telah berjalan dengan baik dan sempurna serta menghasilkan suatu impak yang positif bagi memperkembangkan kerjasama dan kolaborasi antara dua pihak. Di akhir sesi taklimat dan perbincangan dua hala ini telah diadakan sesi pertukaran hadiah dan cenderamata sebagai cindur kenangan antara kedua-dua belah pihak.

Pada 3 Oktober 2023, pihak delegasi ini telah meneruskan lawatan kerja mereka ke Institut Latihan dan Kefahaman Islam Angkatan Tentera Malaysia (ILMI ATM) bagi meninjau fungsi pusat latihan yang dikendalikan oleh warga KAGAT dan juga mengadakan lawatan ke Muzium Tentera Darat Port Dickson sebagai sesi terakhir dalam lawatan kerja delegasi tersebut. Diharapkan lawatan kerja dan sesi Kunjungan Hormat kepada Ketua Pengarah KAGAT ini akan menjadi titik perintis untuk membuka jaringan kerjasama dan kolaborasi yang akan memberikan manfaat kepada kedua-dua pihak khususnya kepada KAGAT dan ATM pada masa hadapan.



## Karnival Usahawan Veteran ATM Peringkat Negeri Sembilan



**Artikel Oleh:** Unit Komunikasi Strategik  
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)

YBhg. Mej Jen Zambery Jefry bin Hj Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV) telah menyempurnakan perasmian Karnival Usahawan Veteran ATM yang berlangsung di Mango's Park Port Dickson, Negeri Sembilan dengan kerjasama Persatuan Veteran Angkatan Tentera Tidak Berpencen Malaysia (PVATTBM) pada 28 Oktober 2023 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan.

Karnival keusahawanan bagi Veteran ATM diadakan untuk mengukuhkan rangkaian dan jaringan keusahawanan Veteran ATM dengan pelbagai pihak, memperkasakan kolaborasi strategik dan untuk pengumpulan data melalui maklum balas secara terus daripada usahawan veteran dan pemain industri.

Sebanyak empat (4) sesi menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) antara syarikat yang diterajui oleh Veteran ATM iaitu VTC Holistic Sdn Bhd (VHSB) dengan empat (4) lagi syarikat dan kolej yang menawarkan kursus serta laluan kerjaya khas untuk Veteran ATM dan ahli keluarga veteran terutamanya dalam bidang pelancongan, pengurusan sukan, teknologi pembinaan serta perladangan. Selain itu, terdapat juga booth-booth syarikat yang sedia membantu Veteran ATM melalui peluang pekerjaan dan perniagaan sepanjang karnival ini berlangsung.

Kementerian Pertahanan dan JHEV ATM sentiasa menyokong apa juu inisiatif yang boleh meningkatkan taraf sosioekonomi komuniti veteran. Ini adalah selaras dengan hasrat kerajaan untuk melihat semua Veteran ATM berjaya dalam bidang masing-masing termasuklah dalam bidang keusahawanan.

# Penyerahan Kunci Rumah Bina Baharu Peringkat Negeri Melaka



**Artikel Oleh:** Unit Komunikasi Strategik  
Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV)

Mej Jen Zambery Jefry bin Hj Darus, Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM dan Encik Sophian Isswandy bin Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM diiringi oleh Mej Mohd Syaffik bin Yahaya, Pengarah JHEV ATM Cawangan Melaka dan Negeri Sembilan telah menyempurnakan Majlis Penyerahan Kunci Rumah Bina Baharu di bawah Inisiatif Perumahan Veteran ATM bagi peringkat Negeri Melaka pada 16 November 2023.

Kementerian Pertahanan sentiasa peka terhadap kebajikan Veteran ATM dan mengambil berat isu perumahan Veteran ATM. Program inisiatif perumahan Veteran ATM merupakan salah satu strategi inisiatif peningkatan kualiti hidup di bawah Pelan Strategik MinDef dalam Teras 7. Strategi ini memberi penekanan dalam usaha membantu Veteran ATM yang berpendapatan rendah dengan menyediakan tempat kediaman yang lebih kondusif dan selesa. Program ini merupakan kerjasama erat antara Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) dengan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB).

Pada majlis tersebut, Mej Jen Zambery Jefry bin Hj Darus telah menandatangani plak perasmian dan menyerahkan replika kunci rumah kepada dua (2) orang Veteran ATM di sekitar daerah tersebut. Pada tahun 2023, Kementerian Pertahanan telah memperuntukkan sebanyak RM 5.7 juta bagi menampung pembinaan 40 rumah bina baharu dan 170 baik pulih rumah Veteran ATM. Kriteria pemilihan Program Inisiatif Perumahan Veteran ATM terbuka kepada Veteran ATM atau bala yang mana pendapatan isi rumah di bawah jadual Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang telah ditetapkan.

Turut hadir pada majlis kali ini ialah Lt Kol Azwadi bin Jamian (Bersara), Ketua Pegawai Operasi Yayasan Veteran ATM (YVATM), Lt Kol Khairul Azman bin Kormin, Pegawai Staf 1 Sekretariat JHEV ATM, Mej Muhammad Zarifi bin Hj Tumin, Penolong Pengarah Bahagian Kerjaya dan Sosioekonomi JHEV ATM, wakil SPNB Negeri Melaka dan wakil Persatuan Veteran ATM Negeri Melaka.





## Program Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan Pertahanan di Sekolah Anjuran STRIDE Kementerian Pertahanan



**Artikel Oleh:** Cawangan Kualiti dan Komunikasi Korporat  
Unit Hala Tuju Strategik dan Pengurusan Kualiti  
STRIDE

Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE) telah menganjurkan Program Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Pertahanan di sekolah bagi memperkenalkan dan menggalakkan penglibatan pelajar dalam Sains dan Teknologi dan secara khususnya dalam aktiviti penyelidikan pertahanan.

Program Membudayakan R&D Pertahanan di sekolah ini telah dilancarkan oleh YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan. Majlis Pelancaran telah diadakan semasa Pameran LIMA '23 pada 24 Mei 2023 bertempat di Pavilion MinDef, Pusat Pameran Antarabangsa Mahsuri (MIEC) di Langkawi, Kedah.

Program ini adalah salah satu usaha dan komitmen STRIDE dan Kementerian Pertahanan bagi menyemarakkan budaya penyelidikan dan inovasi bukan sahaja dalam kalangan warga pertahanan tetapi kepada generasi muda iaitu para pelajar sekolah menengah. Program ini juga membuka peluang kepada syarikat-syarikat dalam industri pertahanan meneroka dan menyokong aktiviti-aktiviti berkaitan bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) yang dilaksanakan di sekolah-sekolah. Kementerian Pendidikan Malaysia telah menyokong sepenuhnya program ini dengan memberi pengiktirafan pemarkahan kokurikulum kepada semua pelajar yang terlibat dalam program ini.

Program Membudayakan Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) Pertahanan ini telah dilaksanakan secara berterusan bermula Jun 2023 sehingga November 2023 melalui dua aktiviti utama iaitu: Cakna Sains, Teknologi dan Inovasi (ST&I) Pertahanan dan Pertandingan Inovasi Pertahanan bertemakan "Future Soldier".

### **a) Program Cakna Sains, Teknologi dan Inovasi Sains (ST&I) Pertahanan**

Program Cakna ST&I Pertahanan ini diadakan adalah bagi memberi pendedahan kepada para pelajar kepada aktiviti penyelidikan pertahanan. Empat (4) buah sekolah telah dipilih bagi menjayakan program ini iaitu:

- i. SM Sains Rembau, Negeri Sembilan pada 20 Julai 2023;
- ii. SMK Durian Tunggal, Melaka pada 22 Ogos 2023;
- iii. SM Agama Persekutuan Kajang, Selangor pada 7 September 2023; dan
- iv. Sekolah Sultan Alam Shah, Putrajaya pada 3 Oktober 2023.

Program Cakna ST&I Pertahanan turut mengadakan aktiviti seperti Permainan *Amazing Race*, Pameran Statik berkaitan produk dan aset-aset pertahanan dan Pameran Interaktif seperti *Virtual Reality (VR) Games* dan Simulasi Tembakan. Pameran berkenaan kemajuan teknologi turut diadakan oleh STRIDE, UPNM, Markas TD, Markas TLD dan beberapa syarikat industri pertahanan tempatan.

### **b) Pertandingan Inovasi Pertahanan**

### **c) Pertandingan Inovasi Pertahanan bertemakan *Future Soldier* atau Tentera Masa Hadapan merupakan aktiviti utama dalam program Cakna Sains, Teknologi dan Inovasi Sains (ST&I) Pertahanan untuk pelajar sekolah menengah seluruh negara.**

Tujuan utama pertandingan ini adalah untuk menggalakkan kreativiti serta mencungkil bakat pelajar-pelajar sekolah dalam mengaplikasikan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam menghasilkan projek inovasi yang berimpak tinggi. Pelajar-pelajar berpeluang mengetengahkan idea inovasi, penemuan dan reka bentuk mengikut tema pertandingan.

STRIDE menerima sebanyak 52 penyertaan dari sekolah-sekolah seluruh negara yang melibatkan 280 pelajar dan 40 guru. Sejumlah 20 pasukan projek telah dipilih ke peringkat akhir Pertandingan Inovasi Pertahanan.

Majlis penyampaian hadiah bagi Pertandingan Akhir Inovasi Pertahanan Peringkat Kebangsaan bersama Majlis Penutup Program Membudayakan R&D Pertahanan di Sekolah 2023 telah disempurnakan oleh YB Adly Zahari, Timbalan Menteri Pertahanan pada 16 November 2023 bertempat di Dewan Perkasa, Wisma Perwira, Angkatan Tentera Malaysia (ATM), Kuala Lumpur.

Keputusan bagi Pertandingan Akhir Inovasi Pertahanan adalah seperti berikut:

- i. Tempat Pertama dimenangi oleh Maktab Tentera Diraja dengan tajuk projek iaitu *Allart as Effective Early Warning Mechanism Based on Arduino Microcontroller for Rapid Deployment Surveillance Grid System*;
- ii. Tempat Kedua dimenangi oleh Sekolah Kebangsaan Durian Tunggal (DUTASS) dengan tajuk projek *GPS Shoes*; dan
- iii. Tempat ketiga dimenangi Sekolah Menengah Kebangsaan Kampung Nangka, Sibu, Sarawak dengan tajuk projek *H2ARD*.

Ketiga-tiga pemenang membawa pulang hadiah wang tunai RM5,000 sebagai johan, tempat kedua RM3,000 dan tempat ketiga RM2,000.

Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Empat, Bandar Baru Bangi dan Sekolah Menengah Sains Selangor telah dipilih sebagai Projek Harapan manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Kampong Selamat, Tasek Gelugor Pulau Pinang telah dipilih sebagai Persembahan Terbaik Keseluruhan.

Penganjuran program seperti ini diharapkan dapat mengatasi masalah kurang minat pelajar dalam mempelajari ilmu sains dan teknologi seterusnya menyemarakkan minat pelajar dalam penyelidikan dan inovasi pertahanan.

BICARA PSIKOLOGI

# LOVE Yourself

"Aku Berharga Dan  
Aku Berhak Bahagia"



Mencintai diri sendiri ialah tingkah laku yang positif dalam bentuk menerima dan menghormati diri sendiri. "Love yourself" berkait rapat dengan kesihatan mental kerana ia dilakukan dengan melihat, memikirkan, dan merawat diri sebaik mungkin. Oleh itu, tingkah laku ini juga mendorong seseorang itu mempunyai pandangan yang positif sebagai satu bentuk penerimaan diri. Mencintai diri sendiri adalah cara untuk menenangkan mental seseorang yang sering berasa tidak percaya pada diri, kurang kasih sayang, dan putus asa kerana sering dibandingkan dengan orang lain. Tidak ada salahnya jika mencuba untuk mencintai diri sendiri. Itu adalah perkara terbaik yang boleh lakukan untuk menenangkan diri bagi mengelakkan tekanan atau kemurungan dan kesihatan mental.

Bagaimana untuk mencintai diri sendiri? Seseorang yang menerima kelebihan dan kekurangan dirinya akan lebih mudah mengawal emosi ketika sedih, marah dan kecewa. Kita sering sibuk menyayangi orang lain dan lupa bahawa kita sendiri memerlukan kasih sayang. Mula menyayangi diri sendiri dan berhenti memandang rendah pada diri sendiri, cuba jadikan diri kita keutamaan. Menurut Helen L. Coons, ahli psikologi kesihatan klinikal, penjagaan diri boleh dikatakan sebagai tindakan untuk fizikal, emosi, perhubungan, dan mungkin juga profesional, pendidikan, bagi sesetengah orang, kesejahteraan rohani yang mencerminkan cara kita menjaga diri kita pada tahap paling asas. Pada dasarnya, penjagaan diri adalah sangat bermanfaat untuk kita seperti:

### 1. Me time!

Selalunya kita sering mendengar perkataan *me time*, dan kita buat sesuatu yang kita suka. Contohnya pergi *jogging*, menonton wayang atau makan di luar. Jadi, salah satu konsep cintakan diri yang boleh dilakukan dengan melakukan perkara yang menyenangkan untuk diri sendiri iaitu *me time*. Walaupun bersendirian tidak bermakna sunyi, tetapi memerlukan masa untuk berasa keseronokan dalaman. Dengan melakukan ini, kita boleh menyingkirkan tenaga negatif dalam diri.

### 2. Berani membuat keputusan

Bagi seseorang yang pernah teragak-agak sebelum membuat keputusan perlu menyayangi diri sendiri. Kerana jika menyayangi diri sendiri, secara semula jadi akan lebih menyedari bahawa semua perkara yang terbaik adalah diri kita sendiri. Ini mendorong untuk menjadi lebih berani dalam membuat keputusan, dengan mengambil kira semua risiko yang mungkin berlaku.

### 3. Luahan isi Hati

Jika seseorang menghadapi peristiwa yang membuat diri sedih, marah atau kecewa, jangan simpan sendiri. Luahan isi hati boleh dilakukan kerana ia cara untuk melepaskan emosi yang terpendam. Selain itu juga, boleh meluahkannya dengan menulis dalam jurnal atau bercakap dengan diri sendiri atau dalam hati, di bilik mandi atau di hadapan cermin.

Ini adalah satu bentuk terima kasih kepada diri sendiri dan boleh menggalakkan diri untuk melakukan perkara yang lebih baik. Dengan mengamalkan penjagaan diri dan cintakan diri, ia akan meningkatkan kualiti diri sendiri dan kehidupan.

Dengan itu sayangi diri sendiri kerana diri kita begitu berharga dan paling rapat dengan kita. Buatlah yang terbaik untuk diri kita sendiri dan kita menarik tenaga positif daripada luaran.

## **Program Merdeka *White Water Rafting Adventure*, Gopeng, Perak Anjuran Biro Rekreasi Kelab Kakitangan Kementerian Pertahanan (KAKEP) Tahun 2023**



fizikal dan mental setiap peserta.

Seramai 48 orang peserta tidak melepaskan peluang untuk bersama-sama menyertai Program Merdeka *White Water Rafting Adventure*, Gopeng, Perak yang telah diadakan pada 2 September 2023. Program ini banyak memberi pendedahan dan pengalaman yang baharu kepada peserta yang tidak pernah mencuba aktiviti sukan lasak dengan laluan cerun yang ekstrem serta mengambil masa lebih kurang 2 hingga 3 jam untuk diselesaikan. Selain itu, program ini juga dianjurkan bertujuan untuk meningkatkan keyakinan diri serta menguji ketahanan

Pelbagai halangan dan rintangan yang memerlukan daya ketahanan serta kekuatan peserta menggunakan *paddle raft* dengan teknik yang betul untuk meredah setiap laluan. Kesemua halangan dapat diatasi oleh peserta sepanjang *rafting* tanpa sebarang masalah kesihatan dan kecederaan. Peserta menunjukkan semangat serta kerjasama yang mantap serta tumpuan yang baik terhadap setiap penerangan *raft guide* sebelum dan semasa aktiviti. Penganjuran program seumpama ini diharapkan dapat diteruskan pada masa hadapan.

## **Program Aktif @ *Indoor Games* dan Sukan Tradisional Sempena Sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Pertahanan 2023**



**Artikel Oleh:** Kelab Kakitangan Awam Kementerian Pertahanan (KAKEP)

Program Aktif @ *Indoor Games* dan Sukan Tradisional telah diadakan sempena sambutan Hari Sukan Negara Peringkat Kementerian Pertahanan 2023 pada 13 Oktober 2023 bertempat di Lobi Kementerian Pertahanan. Sebanyak enam (6) jenis acara telah dipertandingkan iaitu Esports FIFA, Catur, Karom, Dart, Batu Seremban dan Congkak. Penyertaan seramai hampir 170 orang peserta terdiri daripada kakitangan awam yang bertugas di sekitar Lembah Klang adalah sesuatu yang amat memberangsangkan.

Penyertaan yang memberangsangkan ini menggambarkan semangat kesukaran serta semangat setia kawan dalam kalangan Warga Kerja Kementerian Pertahanan. Tahniah diucapkan kepada para pemenang dan kepada mereka yang kurang bernasib baik, jangan putus asa dan diharapkan mencuba lagi pada tahun hadapan.

Pihak pengajur juga merakamkan ucapan terima kasih kepada peserta yang mengambil bahagian. Puan Wan Nor Hazlina binti Wan Abdul Ghani, Timbalan Presiden KAKEP telah menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

# **Program Peduli Veteran (PPV) Peringkat Daerah Kemaman, Negeri Terengganu**



**Artikel Oleh:** PUSPANITA Cawangan MinDef

PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan (MinDef) turut prihatin dalam Program Peduli Veteran (PPV) peringkat daerah Kemaman, Negeri Terengganu anjuran PUSPANITA Cawangan Kecil JHEV ATM dan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV) ATM pada 25 November 2023. Sumbangan kepada lima (5) penerima bahu Veteran ATM telah disempurnakan oleh YBhg. Datin Seri Noor Laili binti Hamzah, Pengurus PUSPANITA MinDef. Program kebajikan ini merupakan hasrat dan cetusan idea YM Raja Datin Seri Dato' Hjh Salbiah binti Tengku Nujumudin, Penaung PUSPANITA MinDef.

Turut hadir adalah YBrs. Puan Juhana binti Buang, Pengurus PUSPANITA Cawangan Kecil JHEV, Mej Wan Abdullah bin Wan Abdul Samad, Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan dan Terengganu, Kapt Amirul Izuan bin Zulkapeli, Penolong Pengarah JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan dan Terengganu dan wakil-wakil ahli PUSPANITA Cawangan MinDef dan PUSPANITA Cawangan Kecil JHEV.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada pihak Cawangan JHEV ATM Cawangan Negeri Kelantan dan Terengganu yang telah mengatur gerak sesi lawatan ini serta terima kasih juga kepada semua pihak yang menjayakan program kebajikan ini. Kerjasama penganjuran program kebajikan seperti ini perlu diteruskan dalam menjaga kebajikan Warga Kerja Kementerian Pertahanan.

## **Perlawayan Persahabatan Woodball PUSPANITA antara Kementerian**



PUSPANITA Cawangan Kementerian Pertahanan (MinDef) turut bersaing dalam Perlawayan Persahabatan Woodball PUSPANITA antara kementerian yang telah diadakan di Taman Rekreasi Wawasan Puchong pada 4 November 2023. Perlawayan ini telah dirasmikan oleh YBhg. Datuk Dr. Yatimah binti Sarjiman, Naib Yang Dipertua Satu PUSPANITA. YBhg. Datin Seri Noor Laili binti Hamzah, Pengurus PUSPANITA MinDef turut menyertai bagi kategori VIP bersama-sama dua (2) kumpulan PUSPANITA MinDef. Syabas dan tahniah diucapkan kepada Pasukan PUSPANITA MinDef yang telah memenangi tempat ketiga dan kelima bagi kategori kumpulan. Tidak kurang hebatnya Pengurus PUSPANITA MinDef telah memenangi tempat ketiga bagi Kategori Individu VIP. Sebanyak 13 pasukan daripada sembilan (9) PUSPANITA Cawangan telah menyertai pertandingan ini yang melibatkan seramai 52 peserta dan seramai empat (4) Pengurus telah menyertai Kategori Individu VIP.

tempat ketiga dan kelima bagi kategori kumpulan. Tidak kurang hebatnya Pengurus PUSPANITA MinDef telah memenangi tempat ketiga bagi Kategori Individu VIP. Sebanyak 13 pasukan daripada sembilan (9) PUSPANITA Cawangan telah menyertai pertandingan ini yang melibatkan seramai 52 peserta dan seramai empat (4) Pengurus telah menyertai Kategori Individu VIP.



# Sambutan Hari Integriti Peringkat Kementerian Pertahanan 2023

Bulan November setiap tahun telah diisytiharkan sebagai sambutan Hari Integriti Nasional yang merupakan satu usaha membudayakan serta memupuk kesedaran dalam kalangan penjawat awam dan masyarakat umum khasnya tentang kepentingan mengamalkan nilai-nilai murni dan integriti secara berterusan, dengan matlamat bebas daripada amalan rasuah serta penyelewengan pada setiap masa dan keadaan. Kementerian Pertahanan turut menyahut usaha kerajaan dan terus komited dalam usaha membudayakan integriti dalam kalangan Warga Kerja Kementerian Pertahanan. Sehubungan itu, Majlis Sambutan Hari Integriti peringkat Kementerian Pertahanan telah diadakan pada 8 November 2023 dengan tema "Integriti Citra Malaysia Madani".

Majlis sambutan ini telah diadakan di Auditorium Wisma Pertahanan dengan disertai oleh 530 peserta Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan juga anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Majlis ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohd Bakhari bin Ismail, Timbalan Ketua Setiausaha Pembangunan, Kementerian Pertahanan. Melalui ucapannya beliau menyatakan hasrat membangunkan kesedaran integriti, melalui pembangunan nilai positif dalam diri kakitangan awam supaya menyumbang kepada ‘work & life balance’ lebih positif dalam melalui kehidupan dan tugas.

Pada majlis tersebut, turut diadakan bacaan Ikrar Integriti Malaysia serta penyampaian hadiah kepada pemenang utama bagi lima (5) pertandingan yang dianjurkan oleh Unit Integriti antaranya Pertandingan Kuiz Secara Atas Talian, Pertandingan Poster Digital, Pertandingan Tiktok Integriti, Pertandingan Menulis Sajak Integriti dan Pertandingan Sudut Integriti. Selain itu, pada majlis tersebut turut diadakan Forum Bicara Integriti dengan tajuk “Mujahadah Kerjaya dan Harta” telah disampaikan oleh penceramah dan selebriti dakwah iaitu Ustaz Fauzi Mustaffa. Cabutan bertuah kepada Warga Kementerian yang hadir turut diadakan dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan MAIWP.

Sebelum majlis sambutan pada 8 November 2023, Kementerian Pertahanan juga turut mengadakan Program Rakaman Tazkirah Malam Jumaat (TMJ) Astro Oasis pada 6 November 2023 bertempat di Dewan Perkasa Perwira dengan penglibatan seramai 750 peserta Warga Kerja Kementerian Pertahanan dan juga anggota ATM. Terdapat dua (2) sesi rakaman yang telah dijalankan dengan tajuk “Berani Buat Berani Tanggung” dengan menampilkan dua (2) ahli panel iaitu Ustaz Harryanto Rizal Rokman dan Ustaz Haslin Baharim. Manakala sesi kedua pula bertajuk “Solidariti Palestin” dengan dua (2) panel iaitu Ustaz Zulramli bin M. Razali dan Ustazah Asni binti Abu Mansor.



# Lensa Op Murni 2023

20 November 2023



8 Briged Membantu Penduduk ke PPS

23 November 2023



18 RAMD (Para) Memberi Bantuan kepada Penduduk Setempat di Negeri Terengganu

25 November 2023



Bachok, Kelantan, Rejimen 506 (AW) Membantu Membawa Penduduk ke PPS

25 November 2023



Kuala Nerus, Terengganu, Rejimen 512 Askar Wataniah Melaksanakan Kerja-kerja Pembersihan Kawasan PPS

30 November 2023



Rejimen 506 Membantu Mangsa-mangsa Banjir Berpindah ke PPS

1 Disember 2023



Pemeriksaan Kesihatan dari Forward Medical Team 8 Briged di PPS SMK Beris Panchor, Bachok, Kelantan

24 Disember 2023



Rejimen Ke-5 Artilleri Diraja Mengatur Gerak Anggota Membantu Mangsa Banjir di KTJ Setiu

24 Disember 2023



Batalion Ke-18 Rejimen Askar Melayu Diraja (Para) Memberi Bantuan Pemindahan kepada Mangsa Banjir di Daerah Dungun

Terbuka  
kepada  
orang ramai



## JOM DRIVE WITH KT!

# 10% DISKAUN



- Takaful Kenderaan
- Takaful Am
- Cukai Jalan

\*Gambar hanya sekadar ilustrasi sahaja

Untuk maklumat lanjut hubungi Unit Insurans KT di **03 - 4027 2735 / 2675** atau emel [insmotor@katmb.com.my](mailto:insmotor@katmb.com.my) atau kunjungi cawangan KT berhampiran anda.

Wakil Berdaftar :



# Pameran Perkhidmatan Ketenteraan dan Keselamatan Dalam Negeri Terunggul



NATSEC  
ASIA 2024

6-9 MAY 2024  
MITEC, KUALA LUMPUR

Dihoskan, Disokong dan Dianjurkan Bersama:



KEMENTERIAN PERTAHANAN



KEMENTERIAN DALAM NEGERI

MEMBINA  
KETAHANAN NEGARA  
UNTUK GENERASI  
MASA HADAPAN

DISOKONG OLEH:



ANGKATAN TENTERA  
MALAYSIA



POLIS DIRAJA  
MALAYSIA



MAJLIS KESELAMATAN  
NEGARA



JABATAN KASTAM  
DIRAJA MALAYSIA



JABATAN IMIGRESEN  
MALAYSIA



AGENZI  
PENGURUSAN MARITIM MALAYSIA



JABATAN PENJARA  
MALAYSIA



MAJLIS INDUSTRI PERTAHANAN,  
PENGURUSAN DAN  
KESELAMATAN NEGARA



PERBADANAN PEMBANGUNAN  
PERDAGANGAN LUAR  
MALAYSIA



Imbas Kod QR  
untuk muat turun  
risalah DSA 2024

Untuk Maklumat Lanjut, Sila Hubungi Pejabat Urusan Dsa & Natsec Asia 2024:  
**DSA EXHIBITION AND CONFERENCE SDN BHD** (423538-H)

V06-3A-05, Signature 2,  
Sunway Velocity, Lingkaran SV,  
55100 Kuala Lumpur

T: +603 2702 7700  
E: enquiry@dsalexhibition.com